

SOALAN NO. 96

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN

MESYUARAT KEDUA, DEWAN RAKYAT

PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KETIGA BELAS

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SIVARASA A/L K. RASIAH

TARIKH : 2 OGOS 2017 (RABU)

SOALAN :

Tuan Sivarasa A/L K. Rasiah [Subang] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan mengapa Kementerian masih tidak membentang pindaan kepada undang-undang imigresen yang akan membolehkan kanak-kanak di pusat tahanan imigresen diserahkan kepada pusat-pusat jagaan untuk kanak-kanak demi kesejahteraan mereka.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT**

Tuan Yang di-Pertua,

Selaras dengan Artikel 3 Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak/*Convention on the Rights of the Child* (CRC) yang menggariskan bahawa kepentingan terbaik kanak-kanak atau dengan izin '*best interest of the child*' merupakan perkara utama yang perlu dititikberatkan oleh Kerajaan dalam membuat keputusan dari segi pentadbiran dan perundangan. Antara elemen penting adalah kanak-kanak tidak boleh dipisahkan daripada keluarga mereka. Sehubungan itu, Kerajaan berpandangan meletakkan kanak-kanak pelarian di pusat jagaan yang kebanyakannya datang bersama keluarga adalah tidak wajar.

Buat masa ini, bilangan kanak-kanak tahanan imigresen yang ditahan bersama keluarga adalah seramai 102 orang (33.3 %) daripada jumlah keseluruhan kanak-kanak (360 orang) yang ditahan. Keputusan mengasingkan kanak-kanak pelarian daripada keluarga seolah-olah

menambahkan trauma sedia ada yang dialami kanak-kanak ini ketika meninggalkan negara asal. Selain itu, penahanan di pusat tahanan imigresen adalah bersifat sementara dan kanak-kanak tersebut akan dihantar pulang ke negara asal dalam tempoh yang terdekat.

Sehubungan itu, KPWKM telah berbincang dengan Jabatan Imigresen Malaysia supaya pusat-pusat tahanan imigresen sedia ada ditambah baik sebagai suatu pusat yang mesra kanak-kanak dan keluarga mereka dari aspek perlindungan, kebajikan dan keselamatan khususnya. Penambahbaikan ini juga selaras dengan konsep pemeliharaan berasaskan keluarga yang menggalakkan kanak-kanak membesar dengan keluarga selain dapat mengurangkan trauma ekoran pengalaman semasa lari dari negara asal dan semasa penahanan.

Dalam pada itu, KPWKM akan mengenal pasti elemen-elemen penambahbaikan pusat-pusat tahanan imigresen dari aspek kebajikan dan keselamatan kanak-kanak dengan mengesyorkan aspek-aspek yang diperlukan bagi membantu mewujudkan persekitaran yang mesra kanak-kanak. Cadangan penambahbaikan tersebut diharap dapat meningkatkan kesejahteraan kanak-kanak dalam pusat tahanan imigresen.

SOALAN (97)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 2 OGOS 2017
[RABU]

DARIPADA : YB DR. ONG KIAN MING
[SERDANG]

SOALAN :

YB DR. ONG KIAN MING [SERDANG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan 'speaker fees' yang dibayarkan kepada Usain Bolt, David Coulthard dan Richard Branson untuk berucap di 'Global Transformation Forum' 2017.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Forum Transformasi Global (GTF) adalah satu-satunya platform di dunia untuk berkongsi dan membincangkan metodologi atau kaedah transformasi dan pengalaman di tiga tahap berbeza: Kerajaan, korporat dan individu. GTF bermatlamat untuk menyediakan ruang untuk penglibatan terbuka dan perbincangan yang mendalam di kalangan eksekutif korporat, pemilik perniagaan, pemimpin kerajaan dan usahawan sosial.

Edisi kedua Forum Transformasi Global (GTF'17) yang diadakan pada 22 dan 23 Mac 2017 menyaksikan 3,000 perwakilan dari lebih 30 buah negara di seluruh dunia. Para peserta GTF berpeluang untuk belajar secara langsung daripada pengalaman para pembicara, untuk pemahaman konteks yang lebih lengkap mengenai pelaksanaan dan pencapaian transformasi. Di akhir persidangan tersebut, para peserta telah memberi skor purata 94%, yang menggambarkan tahap kepuasan terhadap kesan dan impak GTF.

Bertemakan 'Driving Transformation', barisan penceramah dan panelis telah berkongsi cara mereka mengatasi cabaran dan kesukaran dengan menetapkan sasaran yang mustahil, mempunyai rangka kerja yang jelas, dan memastikan disiplin pelaksanaan yang tegas. Antara 32 penceramah antarabangsa yang terdiri daripada tokoh-tokoh global telah hadir untuk mengetuai dan memberi inspirasi termasuklah: Pengasas dan Pengerusi Kumpulan Alibaba Encik Jack Ma, juara Olimpik Encik Usain Bolt, pengasas kumpulan Virgin Encik Richard Branson, pengarang buku 'The Pursuit of Happiness' Encik Chris Gardner, Ketua Ekonomi & Presiden Kanan Bank Dunia Dr Paul Romer, Ketua Pengarah Perbandaran Dubai Emiriyah Arab Bersatu Yang Mulia Encik Hussain Nasser Lootah, Pengasas Bersama M-Farm Puan Jamila Abass antara lain.

Bagi GTF 2017, kos keseluruhan penganjuran acara adalah berjumlah RM15,450,000. Ini termasuklah kos pengurusan penceramah, kos logistik, penginapan, keselamatan dan *honorarium* bagi penceramah. Kos pengurusan penceramah turut mengambil kira nilai komersil masa penceramah dan kos perjalanan yang bersesuaian dengan piawai industri. Untuk memastikan kos ini dioptimumkan, selain daripada

penampilan para penceramah di pentas utama sepanjang persidangan, penganjur acara juga telah mengelola sesi pengisian pengetahuan yang eksklusif dengan pelbagai organisasi kerajaan dan institusi korporat yang terpilih.

Aspirasi GTF adalah untuk mencontohi dan melangkaui pencapaian Forum Ekonomi Dunia (WEF) di Davos dan Forum Perniagaan Nordik di Helsinki yang dianggap sebagai persidangan global yang paling penting dan diiktiraf sebagai pentas penggerak sedunia, sekaligus menaikkan nama Malaysia sebagai salah satu peneraju usaha transformasi yang dikagumi di pentas dunia.

Sekian, terima kasih.

2 Ogos 2017

SOALAN (98)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 2 OGOS 2017
[RABU]
DARIPADA : YB PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR
[LEMBAH PANTAI]
SOALAN :

YB PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR [LEMBAH PANTAI] minta
PERDANA MENTERI menyatakan:

- (a) kadar pengangguran terkini mengikut pecahan negeri, umur dan kelulusan (Sijil Pelajaran Malaysia atau setaraf, lulusan diploma, dan lulusan ijazah pertama); dan
- (b) apakah pelan jangka panjang mengurangkan pengangguran belia berumur 25 tahun hingga 29 tahun, khususnya yang berkelulusan diploma dan ijazah.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kejayaan ekonomi kita menyediakan peluang pekerjaan mengekalkan kadar pengangguran negara di bawah 4%. Laporan Perangkaan Tenaga Buruh yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan kadar pengangguran berada pada kadar 3.4%. Kadar pengangguran bagi negara ini adalah rendah dan stabil semenjak tahun 1990an. Negara dianggap telah mencapai guna tenaga penuh sekiranya kadar pengangguran adalah 4% dan kurang yang mana selari dengan definisi *Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD)*.

Pecahan kadar pengangguran adalah seperti berikut:

Jadual 1: Kadar Pengangguran Mengikut Negeri, 2016

Negeri	(%)
	Kadar pengangguran
	<i>Unemployment rate</i>
Selangor	3.2
Perak	3.4
Kedah	2.9

Negeri	(%)
	Kadar pengangguran
	<i>Unemployment rate</i>
Perlis	2.9
Pulau Pinang	2.1
Johor	3.6
Negeri Sembilan	2.7
Melaka	0.9
Pahang	2.6
Terengganu	4.2
Kelantan	3.8
WP, Kuala Lumpur	3.3
Sabah	5.4
Sarawak	3.3

Jadual 2: Kadar Pengangguran Mengikut Kelulusan, 2016

Pencapaian Pendidikan	Lelaki (%)	Perempuan (%)	Jumlah (%)
Jumlah	3.1	3.9	3.4
Tiada Pendidikan Rasmi	3.0	1.9	2.6
Menengah	3.4	3.9	3.5
Tertiari	3.8	4.6	4.2

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah menyediakan pelan jangka panjang dalam menangani isu pengangguran di peringkat nasional melalui kerangka yang disediakan di dalam Inisiatif di bawah

Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11). Di dalam kerangka tersebut Kerajaan memberi tumpuan kepada empat bidang fokus iaitu:

Pertama, **Bidang Fokus A** iaitu menambah baik kecekapan pasaran buruh untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi melalui usaha meminimumkan ketidakpadanan (*mismatch*) dalam pasaran buruh antaranya dengan penubuhan Jawatankuasa Jurang Kemahiran Kritikal bagi mengenal pasti jurang kemahiran kritikal, dalam sektor strategik bagi perancangan modal insan akan datang.

Kerajaan turut memberi tumpuan bagi mengatasi pengangguran belia menerusi program seperti Skim Kemahiran Kerjaya 1Malaysia (SKK1M) di bawah Institut Latihan Perindustrian, Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) dan 1Malaysia *Skills Training and Enhancement for the Rakyat* (1MASTER).

Selain itu, penyertaan wanita dalam pasaran buruh akan terus dipertingkatkan. Sebagai contoh, Kerajaan akan memperluas akses kepada pekerjaan menerusi program 1Malaysia *Support For Housewives* dan *Flexiworklife*. Kaum wanita juga digalakkan untuk

menjadi usahawan menerusi program seperti Azam Niaga, *Women Entrepreneurial Incubator* dan 1Nita.

Keduanya, **Bidang Fokus B** iaitu **mentransformasi TVET untuk memenuhi permintaan industri** di mana dianggarkan sebanyak 60% daripada pekerjaan yang diwujudkan dalam tempoh RMKe-11 dijangka memerlukan kelayakan TVET. Kerajaan akan mempergiat kolaborasi dengan pihak industri untuk mempertingkatkan pengambilan TVET, menambah baik kualiti program dan institusi serta memperkukuh penjenamaan dan profil TVET.

Ketiga, **Bidang Fokus C** iaitu **memperkukuh pembelajaran sepanjang hayat untuk peningkatan kemahiran** bagi membolehkan rakyat Malaysia mendapat latihan semula dan peningkatan kemahiran secara berterusan untuk memenuhi permintaan pasaran buruh. Fokus ini tidak terhad kepada tenaga kerja sedia ada, malahan meliputi individu di luar sistem pendidikan formal, yang tidak bekerja atau bersara.

Keempat, **Bidang Fokus D** iaitu **menambah baik kualiti pendidikan untuk meningkatkan outcome pelajar dan kecemerlangan institusi**

melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 hingga 2025 (Pendidikan Tinggi) yang dilancarkan pada tahun 2015.

Selain itu, Kerajaan turut melaksanakan pelbagai langkah intervensi bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan. Salah satunya adalah di bawah Program Skim Latihan 1Malaysia (SL1M). Ia merupakan program untuk meningkatkan tahap kebolehpasaran (*employability*) atau keupayaan graduan untuk mendapat pekerjaan dengan kerjasama Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan swasta yang melaksanakan program SL1M sebagai Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR). Sejak penubuhannya sehingga 30 April 2017, seramai 122,358 graduan telah berjaya dibantu secara langsung dan tidak langsung.

Kerajaan telah menggubal dasar secara komprehensif dan akan terus ditambahbaik dari semasa ke semasa bagi memastikan isu pekerjaan di kalangan rakyat Malaysia dapat ditangani dengan berkesan.

Sekian, terima kasih.

2 Ogos 2017